

# Dasar Keselamatan, Kesihatan, Persekutaran (SHE)

*Di allnex, kami komited untuk melindungi pekerja, pelanggan, kontraktor, persekitaran dan komuniti di mana kami beroperasi. Sebagai Syarikat Coating Resins yang unggul kami secara aktif menyumbang kepada Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).*

*Kami percaya perniagaan yang lestari memberi keutamaan kepada keselamatan, kesihatan, sekuriti dan pertimbangan alam sekitar. Ini termasuk pematuhan sepenuhnya dengan keperluan undang-undang, permit dan peraturan-peraturan lain yang terpakai untuk operasi kami. Kami komited kepada pencegahan pencemaran, pengurangan penggunaan tenaga, pemuliharaan air, pencegahan bahan buangan dan penggunaan bahan-bahan mentah yang lestari. Standard dalaman, objektif, pengukur prestasi, prosedur dan audit digunakan secara global dan adalah asas bagi penambahbaikan yang berterusan dan kecemerlangan operasi.*

*Kami mereka bentuk, menghasil dan memasarkan produk dan perkhidmatan secara ekologi dan secara sosial yang baik bagi faedah pelanggan kami dan mengadakan dialog dengan pihak yang berkepentingan. Kami menguruskan risiko melalui pengenalpastian bahaya yang sistematik, penilaian terhadap risiko yang berkaitan, pelaksanaan kawalan yang wajar, penglibatan pekerja dan pihak berkepentingan lain dan dengan pengesahan terhadap integriti proses ini.*

*Syarikat akan menyediakan sumber, latihan dan maklumat, bila dan di mana diperlukan untuk mencapai matlamat strategik dan operasi kami. Kami menjangkakan komitmen yang jitu daripada semua pekerja terhadap Nilai-nilai Keselamatan, Kesihatan, Persekutaran, Kelestarian dan kita semua hendaklah mengamalkan kepimpinan melalui teladan. Sikap positif daripada kita semua menyumbang ke arah tahap budaya SHE yang tinggi seperti yang telah kita dedikasikan.*



Miguel Mantas, CEO